



PENYERTAAN KUIZ KAHOOT DAN KUIZ HADIAH UTAMA

1. Pendahuluan

Tema bagi Majlis Ilmu ipada tahun 2024 ini memfokuskan kepada isu semasa global yang berkaitan dengan kesihatan mental. Sepertimana tahun-tahun yang lazimnya, seminar merupakan salah satu pengisian bagi sambutan Majlis Ilmu. Sehubungan dengan itu, seminar Majlis Ilmu pada tahun ini akan turut membincang dan mengupas topik-topik yang berkaitan kesihatan mental, dasar kerajaan dalam menangani isu kesihatan mental dan langkah pencegahan.

2. TARIKH

Seminar Majlis Ilmu 2024

Hari: Rabu dan Khamis

Tarikh: 28 - 29 Rabiulawwal 1446H bersamaan 01 Oktober 2024 dan 02 Oktober 2024

Forum Daerah-Daerah Majlis Ilmu 2024

1. Sabtu, 12 Oktober 2024, Dewan Belalong, Temburong
2. Sabtu, 19 Oktober 2024, Dewan Musyawarah ICC Berakas
3. Selasa, 22 Oktober 2024, Dewan Mahad Islam Brunei
4. Khamis, 24 Oktober 2024, Dewan Persidangan Kuala Belait

3. TEMPAT

Seminar Majlis Ilmu 2024

Dewan Musyawarrah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Forum Daerah-Daerah Majlis Ilmu 2024

1. Sabtu, 12 Oktober 2024, Dewan Belalong, Temburong
2. Sabtu, 19 Oktober 2024, Dewan Musyawarah, ICC Berakas
3. Selasa, 22 Oktober 2024, Dewan Mahad Islam Brunei
4. Khamis, 24 Oktober 2024, Pusat Insani, Seria

4. OBJEKTIF

Antara objektif Seminar dan Forum Majlis Ilmu 2024 adalah;

1. Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman serta kesedaran masyarakat mengenai kepentingan kesihatan mental dalam kehidupan seharian.
2. Meningkatkan kefahaman dan pengetahuan masyarakat mengenai masalah kesihatan mental dan cara untuk membantu pengidap penyakit mental.
3. Mengenalpasti punca dan faktor yang boleh mempengaruhi kesihatan mental.
4. Mengenalpasti tatacara dan kaedah pencegahan gangguan mental, rawatan sepadu yang menggabungkan intervensi medikal dengan rawatan ketuhanan, dan pemulihan penyakit mental.
5. Mengukuhkan kerjasama serta penglibatan pelbagai pihak melalui pendekatan 'whole of-nation'.



**KUIZ 'KAHOOT' dan HADIAH CABUTAN UTAMA
SEMINAR DAN FORUM DAERAH-DAERAH
SEMPENA MAJLIS ILMU 2024**

6. Memacu tindakan yang menggalakkan dan membantu melindungi kesihatan mental setiap orang sebagai hak asasi manusia sejagat.

5. FORMAT KUIZ KAHOOT

Terma dan syarat-syarat penyertaan KUIZ KAHOOT:

1. Penyertaan terbuka kepada semua audiens yang hadir pada Seminar ini.
2. Seramai 100 orang peserta terawal sahaja yang dapat menyertai kuiz 'kahoot' ini.
3. Peserta hendaklah mendaftar menggunakan NOMBOR IC sebagai user ID
4. Lapan (8) soalan akan disediakan bagi setiap pusingan
5. Setiap soalan akan mengambil masa selama 15 saat.
6. Soalan-soalan kuiz 'kahoot' ini akan dipaparkan di 'LED Screen'.
7. Pengacara akan memberikan penerangan ringkas mengenai dengan tatacara kuiz 'kahoot' ini.
8. Pemenang adalah berdasarkan tiga (3) markah teratas yang akan ditentukan oleh 'kahoot'.
9. Hadiah pemenang akan disampaikan selepas sesi kuiz berakhir.

6. FORMAT KUIZ HADIAH CABUTAN UTAMA

Terma dan syarat-syarat penyertaan CABUTAN UTAMA:

1. Penyertaan terbuka kepada audiens yang hadir di Dewan Musyawwarah dan telah mendaftar kehadiran melalui DIGITAL ATTENDANCE di pintu masuk.
2. Peserta hendaklah mengimbas QR kod yang disediakan di meja pendaftaran dan seperti yang tertera di dalam skrin.
2. Kuiz akan menggunakan platform google form.
3. Peserta hendaklah mendaftar menggunakan ALAMAT EMAIL .
4. 10 soalan disediakan bagi setiap pusingan.
5. Kuiz Cabutan Utama hanya akan dibukakan dari jam 7.45 pagi hingga 12.00 tengahari bagi sesi pagi / dari jam 1.30 hingga 4.15 petang bagi sesi petang.
6. Setelah penyertaan ditutup, Urusetia akan menyenaraipendek peserta-peserta yang berjaya menjawab dengan tepat.
7. Tiga (3) nama peserta peserta akan dicabut secara rawak (random).
8. Jika tidak ada peserta yang berjaya menjawab keseluruhan soalan dengan tepat, markah teratas akan dipilih dan dicabut secara rawak.
9. Proses senarai pendek dan cabutan rawak adalah dipantau oleh Setiausaha-Setiausaha Bersama Jawatankuasa Kerja Seminar Majlis Ilmu 2024.
10. 24 nama terkumpul sepanjang _ sesi kuiz dikehendaki hadir di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada tarikh yang akan ditetapkan nanti.
11. Keputusan pihak pengatur adalah muktamad.
